

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA DI SEBERANG PERAI TENGAH, PENANG
TUNTUTAN NO: TTPM-P-(P)-200-2022

ANTARA

JANIS KHOO WEI LI

... PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

LOVELY MEMORY HOLIDAY SDN BH

... PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

1. **FAKTA KES**

- 1.1 Janis Khoo Wei Li (PYM) telah membeli tiket-tiket untuk Khoo Guan Cheng dan Heong Lai Cheng (Bapa dan Ibunya) daripada Lovely Memory Holiday Sdn Bhd (PP) bagi pelayaran "*Star Cruise*" yang di jadualkan belayar pada 20 Februari 2022. *Star Cruise* adalah dimiliki oleh "*The Genting Hong Kong Group*".
- 1.2 Bayaran oleh PYM berjumlah RM998 telah diterima oleh PP dan PP telah kemudian membayar wang ini kepada *Star Cruise* melalui

"*Vacation Hub Travel & Tours*" bagi mendapatkan tiket-tiket pelayaran tersebut.

- 1.3 Tiket-tiket ini telah kemudiannya di emel kepada PYM di alamat janiswlkhoo@hotmail.com pada 18 Januari 2022.
- 1.4 Pada 21 Januari 2022, Star Cruise telah membuat hebahan awam (Public Announcement) bahawa semua pelayaran bermula dari 25 Januari 2022 adalah dibatalkan dan semua pelanggan ditawarkan refund.
- 1.5 Maklumat hebahan ini telah disampaikan kepada PYM oleh PP.
- 1.6 Pada 28 Februari 2022, terdapat notis bahawa syarikat akan berhentikan operasi dan memfaikan untuk likuidasi dan semua tuntutan refund akan diuruskan oleh Alvarez and Marsal (*Liquidators*). Perkara ini juga telah di maklumkan kepada PYM oleh PP.
- 1.7 Dalam kes ini, PYM telah memfailkan tuntutan terhadap PP dengan alasan bahawa bayaran RM998 adalah dibuat kepada PP. Manakala PP menyangkal tuntutan ini dengan pembelaan bahawa PP hanyalah "*booking agent*" bagi tujuan mendapatkan tiket pelayaran daripada Star Cruise dan ini telah PP laksanakan.

2. ISU

- 2.1 Samada PYM boleh menuntut kembali wang tiket RM998 dari PP bila mana wang tersebut telah pun PP bayar kepada Star Cruise.

3. KEPUTUSAN

- 3.1 Dalam kes ini, bayaran RM998 yang di serahkan oleh PYM kepada PP adalah supaya PP mendapatkan tiket pelayaran untuk Ibu dan Bapa PYM. Perjanjian yang wujud adalah, dengan bayaran yang dibuat oleh PYM kepada PP, ia meletakkan kewajipan kepada PP untuk mendapatkan ticket-tiket pelayaran yang di inginkan oleh PYM.
- 3.2 Mengikut fakta kes, kewajipan ini telah pun dilaksanakan oleh PP apabila tiket-tiket tersebut telah diserahkan kepada PYM melalui emel pada 18 Januari 2022. Tambah lagi PYM bukanlah operator yang bertanggungjawab dalam memastikan pelayaran ini diteruskan ataupun dibatalkan.
- 3.3 Pun begitu, ini tidak bermaksud PYM tidak boleh membawa tuntutan terhadap PP. PYM boleh bergantung di atas prinsip "*Agent and Principal*". Dimana PP adalah agen dan Star Cruise adalah principal. PYM boleh berjaya dalam tuntutan ini jika PYM boleh tunjukkan bahawa wang PYM telah pun dikembalikan oleh Star Cruise melalui PP. Dalam erti kata lain wang refund PYM telah dikembalikan kepada PP oleh Star Cruise.
- 3.4 Bagaimanapun, tiada apa-apa keterangan telah dikemukakan oleh PYM bagi maksud pembuktian fakta ini.

3.5 Justeru itu, adalah wajar Mahkamah menolak tuntutan PYM dan adalah disarankan PYM menuntut wangnya semula daripada Alvarez and Marsal (*Liquidators*).

Bertarikh: 17 OGOS 2022

t.t

DATO' SUHAIMI BIN IBRAHIM
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA